



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## 2068.30 HEKTAR TANAH LAPANG DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DIJADIKAN KAWASAN HIJAU DAN REKREASI

**KUALA LUMPUR, 7 Ogos 2020** – Kementerian Wilayah Persekutuan komited dalam usaha memastikan kawasan tanah lapang dan hutan simpan kekal sebagai kawasan hijau dan rekreasi untuk kegunaan orang awam khususnya warga Wilayah Persekutuan. 2068.30 hektar kawasan lapang di WP Kuala Lumpur diperuntukan sebagai kawasan hijau dan rekreasi bagi tujuan riadah warga kota. Dari keluasan tersebut, 966.05 hektar tanah telah diwartakan manakala 1033.99 hektar tanah lapang berpotensi dan akan diwartakan seperti yang digazetkan dalam Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020. 1930 hektar kawasan lapang di WP Putrajaya telah diwartakan sebagai kawasan hijau dan rekreasi. Manakala 29.86 hektar kawasan lapang di WP Labuan juga telah diwartakan kawasan hijau dan rekreasi bagi kegunaan warga Labuan.

Taman Persekutuan Bukit Kiara, Taman Rekreasi Bukit Kerinchi, Taman Tasik Metropolitan Kepong, Taman Tasik Pudu Ulu, Taman Tasik Titiwangsa yang telah dinaik taraf merupakan kawasan lapang dan rekreasi di WP KL yang telah kerajaan wartakan bagi kegunaan orang ramai. Seluas 68.26 hektar kawasan hijau di Kuala Lumpur telah kerajaan wartakan sebagai hutan simpan iaitu Hutan Simpan Bukit Nenas, Hutan Simpan Bukit Sungai Putih, Hutan Simpan Bukit Sungai Besi dan Hutan Simpan Bukit Lagong Tambahan. Kesemua kawasan hijau ini adalah khusus untuk kegunaan rakyat beriadah sambil menghirup udara yang segar. Kawasan lapang yang telah diwartakan ini tidak boleh digunakan untuk sebarang aktiviti pembangunan bercampur atau tujuan kediaman (perumahan).

Bagi setiap pembangunan yang dicadangkan di WP Kuala Lumpur perlu mematuhi syarat-syarat nyata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) iaitu perlu memperuntukan 10 peratus kawasan lapang dan 2 meter *perimeter green* dalam lot pembangunan yang akan dilaksanakan. Ini adalah bagi mengekalkan dan menyeimbangkan pembangunan fizikal dan kehijauan bandar agar dapat memberikan keselesaan kepada warga kota. Komitmen ini selaras dengan dasar kementerian di bawah kluster cakna keindahan dalam agenda Wilayah Prihatin.

Taman permainan kanak-kanak, kawasan kemudahan sukan dan rekreasi, kawasan hijau linear dan taman-taman poket di Kuala Lumpur juga merupakan kawasan lapang

dan rekreasi yang boleh digunakan oleh orang ramai bagi mengekalkan keindahan kawasan hijau tersebut. Sebanyak RM27juta diperuntukkan bagi tujuan penyelenggaraan taman-taman awam dan kawasan lapang serta taman permainan kanak-kanak oleh DBKL pada setiap tahun.

Inisiatif mengekalkan kawasan hijau di Kuala Lumpur di Taman Tasik Titiwangsa yang berwajah baharu setelah ditutup selama dua (2) tahun bagi proses menaiktaraf. Taman ini mempunyai nilai sentimental dan khazanah alam semulajadi yang berharga di tengah-tengah kota sejak ianya dibuka pada tahun 1980. Oleh itu, Kerajaan mengambil inisiatif untuk membuat pemulihan dan pengindahan taman ini dengan kos sebanyak RM99.8 juta agar bersesuaian dengan pembangunan persekitaran semasa melalui projek *River of Life*.

Imej baharu Taman Tasik Titiwangsa yang berkonsep inklusif ini menjadi pilihan orang ramai sebagai kawasan riadah mereka. Taman yang mesra orang kurang upaya seperti autism, ADHD dan *cerebral palsy* ini menampilkan 6 segmen tarikan baharu seperti Taman Air Kanak-Kanak, Taman Permainan Kanak-Kanak, 60 meter kanopi laluan pejalan kaki di Banjaran Titiwangsa dengan pancutan kabus buatan, *Maze Garden* atau Laman Kerawang dengan 16 buah rama-rama gergasi sebagai hiasan, 17 buah peralatan *outdoor gym centre*, laluan basikal dan pejalan kaki dan sistem pancutan air (*high fountain jet*) setinggi 60 meter yang diterangi dengan lampu berwarna-warni.

Walaupun masih baharu dibuka semula, terdapat banyak kerosakan fasiliti telah dibuat oleh pengunjung yang datang. Pembuangan sampah merata-rata juga mencacatkan keindahan taman tersebut. Sikap ini menyebabkan Kerajaan terpaksa menambahkan perbelanjaan lagi bagi membaik pulih kerosakan yang dibuat oleh pengguna yang tiada kesedaran sivik. Orang awam dinasihatkan agar menggunakan kemudahan awam yang disediakan dengan berhemah. Adalah menjadi tanggungjawab semua pengunjung untuk menjaga peralatan dan kebersihan taman tersebut untuk keselesaan bersama. Taman yang penuh dengan khazanah alam ini perlu digunakan sebaiknya oleh semua pengunjung yang datang agar keindahannya sentiasa terpelihara untuk generasi akan datang.

Penaiktarafan taman ini bukan hanya kepada aspek pemandangan malah aspek keselamatan juga dititikberatkan. Oleh itu, bermula pada Januari 2021 taman ini mulai dilengkapi dengan pemasangan *usb port*, *panic button*, pembesar suara dan rangkaian kamera litar tertutup bagi meningkatkan tahap keselamatan pengunjung di taman tersebut. Kementerian Wilayah Persekutuan juga sedang bekerjasama dengan Telekom Malaysia Berhad untuk menyediakan kemudahan rangkaian 5G serta TM wifi. Penambahbaikan taman yang dilakukan oleh kerajaan dengan peruntukan yang besar ini amat tidak wajar sekiranya tempat ini menjadi mangsa vandelisme. Tempat rekreasi ini mesti dijadikan sebagai ikon pelancongan utama negara. Semua inisiatif yang dibuat ini bukan sahaja untuk kegunaan rakyat malah sebagai nilai tambah kepada ekonomi sektor pelancongan negara juga.

**TAN SRI TPr HJ ANNUAR MUSA**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**  
**7 Ogos 2020**

**MAKLUMAT TAMBAHAN :**

<b>BIL.</b>	<b>HIERARKI TANAH LAPANG AWAM</b>	<b>LUAS (HEKTAR)</b>
1.	Taman Awam <ul style="list-style-type: none"><li>• Taman Bandar</li><li>• Taman Daerah</li><li>• Taman Kejiranan</li><li>• Taman Tempatan</li></ul>	818.67
2.	Kawasan Permainan dan Taman Poket	127.47
3.	Kemudahan Sukan & Rekreasi	11.12
4.	Kawasan Hijau Linear	8.79
	<b>Jumlah Tanah Lapang Yang Telah Diwartakan</b>	<b>966.05</b>
5.	<b>Tanah lapang berpotensi untuk diwartakan dalam PBRKL 2020</b>	<b>1033.99</b>
6.	<b>Hutan Simpan</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Hutan Simpan Bukit Nenas</li><li>• Hutan Simpan Bukit Sungai Putih</li><li>• Hutan Simpan Bukit Sungai Besi</li><li>• Hutan Simpan Bukit Lagong Tambahan</li></ul>	<b>68.26</b>
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2068.30</b>

Antara contoh-contoh taman awam adalah seperti berikut;

1. Taman Bandar.  
Contoh; Taman Persekutuan Bukit Kiara, Taman rekreasi Bukit Kerinci dan Taman tasik Metropolitan Kepong.
2. Taman Daerah.  
Contoh; Taman Tasik Titiwangsa, Taman Tasik Pudu Ulu dan Taman Antarabangsa Bukit Jalil.
3. Taman Kejiranan.  
Contoh; Taman Tasik Bandar Sri Permaisuri, Taman Kejiranan Air Panas dan Taman Tasik Danau Kota.